

Nelayan buat demonstrasi aman

Sinar Harian 3/9/2018 m/s 17



Salahuddin (kanan) bersalaman dengan nelayan tempatan yang menyertai demonstrasi itu sambil bertanyakan tentang permasalahan yang dibangkitkan mereka.

KUALA TERENGGANU - Sekumpulan nelayan pantai timur mendesak kerajaan dan kementerian di bawah pimpinan baharu menyelesaikan masalah yang sudah lama berlarutan kepada mereka berhubung pencerobohan nelayan warga asing.

Seorang wakil nelayan, Bahiyudin Awang, 32, berkata, masalah itu sudah berlarutan sekian lama yang menyebabkan unjang serta bubi nelayan tempatan rosak sehingga turut 'mematikan' punca rezeki mereka di laut dalam.

Menurutnya, perkara sama telah diperjuangkan setiap tahun dan disampaikan kepada pihak kerajaan terdahulu, namun masih tiada tindakan tegas diambil kepada nelayan asing sehingga menidakkannya hak mereka sebagai nelayan di tanah air sendiri.

"Sudah lama kita perjuangkan benda ini (masalah nelayan warga asing) tapi tiada tindakan daripada kerajaan lama dan hari ini (semalam), kita harap kementerian dan kerajaan baru di bawah Pakatan Harapan supaya selesaikan masalah nelayan tempatan di pantai timur ini.

"Kalau kerajaan yang ada sekarang tidak dapat selesaikan juga, kami akan harapkan kepada kerajaan lain pula pada masa akan datang sebab walau macam mana sekali-pun, kami nak hapuskan masalah nelayan laut dalam yang 'disapu' nelayan Vietnam," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tan, Datuk Salahuddin Ayub berkata, beliau akan membela nelayan dan tidak mempunyai sebarang masalah untuk bekerjasama dengan negeri pembang-

kang (Pas) khasnya Terengganu.

"Jemaah menteri mengakui kekuatan kita tidak cukup, tetapi kabinet akan memastikan aset-aset cukup sebab kita mempunyai kekuatan yang ada pada Agensi Pengusahaan Maritim Malaysia dan juga Tentera Laut Diraja Malaysia.

"Memang kita nak pastikan penguatkuasaan diperhebatkan tetapi kalau saudara (nelayan) harap ia boleh selesaikan hanya satu malam, saya tak boleh (selesaikan), tapi saya tak akan lari dan tetap akan duduk bersama bagi menyelesaikan masalah ini," katanya.

Dalam majlis berkenaan, Salahuddin bersikap terbuka untuk mendengar keluhan nelayan dan melihat sendiri mini demonstrasi secara aman yang diadakan sekumpulan nelayan tempatan di jeti LKIM Chendering itu, semalam.